

# Peluang golongan muda punya kediaman sendiri

**KUALA LUMPUR** – Banyak pilihan jenis kediaman, lokasi serta harga yang ditawarkan lebih rendah daripada pasaran menyebabkan ramai menyerbu Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini semalam.

Pembantu pentadbiran di sebuah syarikat swasta, Aqela Amer Nordin, 32, ketika ditemui memberitahu, terdapat banyak pilihan rumah pada harga yang



MUHD. RAFFAJANI

agak berpatutan ditawarkan dalam ekspo tersebut.

“Saya sangkakan ia hanya gimik iklan (harga rumah) tetapi apabila datang ke



AQELA

sini saya dapati harga rumah yang ditawarkan memang benar-benar mampu milik untuk golongan berpendapatan sederhana se-



CHARLOTTE

perti saya.

“Pilihan yang ditawarkan juga banyak serta banyak informasi tentang projek-projek yang saya peroleh di sini,” katanya.

Sementara itu, menurut petugas di Akademi Bomba dan Penyelamat Wilayah Tengah, Muhd. Raffajani Rahim, 28, ekspo berskala seperti itu memberi peluang kepadanya untuk memilih kediaman idaman untuk dia dan isteri yang baru dikahwini beberapa

bulan lalu.

“Bila datang ke ekspo sebegini, banyak informasi serta tawaran rumah yang dapat dipertimbangkan bersesuaian dengan bajet dan keperluan keluarga saya.

“Kakitangan ekspo juga begitu ramah untuk menerangkan tentang projek-projek kediaman yang ditawarkan memudahkan saya membuat pilihan,” katanya.

Bagi pekerja swasta,

Charlotte Shabina, 30, pendekatan menggunakan ekspo pada skala besar sangat berkesan dalam memberi maklumat kepada rakyat tentang inisiatif-inisiatif kerajaan dalam menyediakan perumahan kepada rakyat.

“Generasi muda seperti saya merupakan antara golongan yang mendapat manfaat daripada inisiatif kerajaan seperti ini dan ia bagus untuk masa depan mereka,” katanya.